

## LEMBARAN MAKLUMAT PROGRAM

Pelanggan yang dihormati,

Sila baca Lembaran Maklumat Program ("LMP") ini bersama dengan terma dan syarat umum sebelum anda membuat keputusan untuk memohon atau menerima tawaran Program ini.

Sila dapatkan penjelasan daripada Agrobank ("Bank") jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma dan syarat umum.



Sentiasa di sisi Anda

Tarikh: \_\_\_\_\_

### 1. Apakah Program Skim Istimewa Kakitangan Kerajaan?

- Program Skim Istimewa Kakitangan Kerajaan merupakan Program yang ditawarkan kepada kakitangan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan agensi di bawahnya. Di bawah Program ini, Pelanggan ditawarkan dengan dua (2) jenis kemudahan iaitu Akaun Simpanan (bagi pemindahan gaji ke Agrobank) dan Akaun Cash Line (iaitu kemudahan kredit pusingan) untuk kegunaan persendirian.  
**Nota: Pelanggan adalah TIDAK terikat untuk menerima Kemudahan Cash Line yang ditawarkan dan Pelanggan adalah berhak untuk penggunaan Akaun Simpanan tersebut.**
- Konsep Syariah yang digunakan:
  - Akaun Simpanan**  
Kontrak Syariah yang digunakan adalah Qard. Kontrak Qard berlaku di mana pemilikan wang daripada pemberi pinjaman (Pelanggan) dipindahkan kepada peminjam (Bank) dan peminjam adalah bertanggungjawab untuk membayar balik keseluruhan pinjaman tersebut kepada pemberi pinjaman. Sifat utama kontrak Qard adalah kewajipan peminjam untuk membayar balik wang pinjaman yang dipinjam sepenuhnya.
  - Akaun Kemudahan Cash Line**  
Konsep Tawarruq yang melibatkan dua kontrak jual beli. Kontrak pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara tangguh. Seterusnya, pembeli bagi urus niaga penjualan yang pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan lari.

### 2. Ketahui Tanggungjawab Anda

Adalah tanggungjawab anda untuk:

Bagi Program ini, **sebagai ilustrasi:**

- Had Kemudahan anda: **RM10,000**
- Tempoh Kemudahan anda: **5 tahun**
- Kadar keuntungan: **Kadar Asas Standard (KAS)\* + 3.45%**
- Kadar keuntungan efektif: **6.20% setahun.**
- Bayaran minimum / keuntungan:  
Had Kemudahan yang telah digunakan X Kadar X Bilangan Hari  
365
- Kadar Keuntungan Siling: **KAS + 7.75% setahun atau 10% setahun, mana-yang lebih tinggi bagi pengiraan harga jualan.**



Membaca dan memahami **terma utama** dalam **kontrak** sebelum menandatanganinya.



Membuat bayaran minimum atas keuntungan bulanan yang dikenakan bagi penggunaan had kemudahan dan membayar baki harga jualan sebelum atau pada tarikh matang.



Pastikan anda mampu membayar keuntungan yang lebih tinggi jika Kadar Dasar Semalam (Overnight Policy Rate - OPR) meningkat.



**Hubungi kami segera** sekiranya anda tidak dapat membuat pembayaran keuntungan bulanan

**Anda perlu membayar fi dan caj berikut:**

- Duti Setem: Seperti yang termaktub di bawah Akta Setem 1949 (Disemak 1989)
- Fi Broker: Berdasarkan kepada nilai kemudahan pembiayaan atau apa-apa jumlah fi broker yang ditetapkan oleh platform dagangan komoditi (tertakluk kepada cukai perkhidmatan (sekiranya ada) atau apa-apa cukai yang ditetapkan oleh Menteri yang berkenaan).

\*KAS ditetapkan sama seperti OPR yang ditentukan oleh BNM. KAS boleh naik atau turun disebabkan perubahan OPR.

### Syarat Kelayakan

- Kakitangan KPKM dan agensi di bawahnya;
- Kakitangan tetap (kakitangan tetap di bawah status percubaan dibenarkan);
- Berumur 18 tahun dan ke atas dan tidak melebihi 60 tahun pada akhir Tempoh Kemudahan atau persaraan; yang mana terdahulu.
- Pendapatan minimum bulanan mestilah tidak kurang daripada RM2,000 selepas ditolak potongan berkanun, komitmen bulanan (seperti di slip gaji) dan juga satu (1) bulan keuntungan yang dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif (*Effective Profit Rate*) ke atas gaji bersih Pelanggan, tertakluk kepada kelayakan *Debt Service Ratio* (DSR) dan *Net Disposable Income* (NDI).
- Tidak boleh ditawarkan kepada pihak berkaitan (*Connected Party*) dan Pihak yang mempunyai kaitan dengan kakitangan Agrobank (*Staff Related*).

### 3. Ketahui Risiko Anda

#### Apa yang berlaku jika anda mengabaikan tanggungjawab anda?

1. Bayaran keseluruhan yang perlu anda bayar menjadi lebih banyak disebabkan **ganti rugi (Ta'widh)** seperti mana berikut:
  - a. **Sebelum Tarikh Matang:** Sehingga 1% setahun ke atas jumlah pembayaran tertunggak berdasarkan jumlah kerugian sebenar.
  - b. **Selepas Tarikh Matang dan Penghakiman:** Mengikut kadar *Islamic Interbank Money Market* (IIMM) ke atas keseluruhan jumlah baki tertunggak atau melalui kaedah lain yang diluluskan Bank Negara Malaysia (BNM).
2. Bank mungkin **menolak** wang dari akaun simpanan anda untuk mengimbangi baki
3. Bank mungkin mengambil **tindakan undang-undang** terhadap anda.
4. **Skor kredit** anda mungkin terjejas yang akan menyebabkan pembiayaan lain pada masa hadapan menjadi sukar atau mahal untuk anda.

### 4. Terma Penting Lain

1. Rebat (Ibra') akan diberikan kepada Pelanggan berdasarkan formula semasa yang tertera, sekiranya berlaku salah satu keadaan berikut:
  - i. Pelanggan membuat penjelasan awal, penebusan awal atau membuat bayaran awal sebelum tarikh matang pembiayaan;
  - ii. Pelanggan membuat penjelasan pembiayaan asal disebabkan pelaksanaan penstruktur pembiayaan;
  - iii. Penjelasan oleh Pelanggan dalam kes kemungkiran yang mana walaupun Pelanggan mungkir, Pelanggan kemudiannya membuat bayaran keseluruhan keterutangan di bawah pembiayaan sebelum tarikh matang;
  - iv. Penjelasan oleh Pelanggan disebabkan penamat atau pembatalan pembiayaan sebelum tarikh matang.Formula untuk pengiraan Ibra' adalah seperti berikut:  
**Ibra' pada masa penyelesaian = Keuntungan tertangguh**
2. Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada Bank tentang sebarang perubahan dalam butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa segala surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
3. Pelanggan digalakkan untuk mengambil Skim Perlindungan Takaful Kredit bagi melindungi jumlah keberutangan di bawah pembiayaan yang diberikan. Walau bagaimanapun, Pelanggan adalah dibenarkan untuk memilih penyedia Takaful bukan panel yang diluluskan oleh Bank. Pelan perlindungan Takaful diperlukan untuk melindungi baki pembiayaan semasa Pelanggan sepanjang tempoh pembiayaan dan/atau terma perlindungan jika berlaku sesuatu yang tidak diingini.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai kemudahan anda, anda boleh:



Hubungi  
1-300-88-2476



Lawati  
<https://www.agrobank.com.my>



E-mel [customer@agrobank.com.my](mailto:customer@agrobank.com.my)



Imbas kod QR di atas

#### Pengakuan Pelanggan\*

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan sedar tentang apa yang akan anda tandatangani.



Saya mengakui bahawa Agrobank telah memberikan saya salinan LMP.



Saya telah membaca dan memahami maklumat utama yang terkandung dalam LMP ini.

\*Pengakuan pelanggan terhadap LMP ini tidak akan menjelaskan haknya untuk mendapatkan penyelesaian sekiranya terdapat pertikaian kemudiannya mengenai terma dan syarat program.

-----  
Nama:  
Tarikh: